

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 RUMUSAN

Bab ini merupakan rumusan dan kesimpulan kepada perbincangan pada bab-bab sebelumnya. Sebagaimana telah diterangkan, kajian ini terdiri daripada lima bab yang mencakup pendahuluan, sumber-sumber pertanian yang wajib zakat, pertanian dan pembayaran zakat pertanian di daerah Sumatera Utara, analisis pelaksanaan zakat pertanian di Sumatera Utara dan bab terakhir ialah rumusan dan cadangan.

5.1.1 Jenis Zakat Pertanian

Berdasarkan hasil kajian yang telah dibuat, penulis mendapati bahawa petani daerah Sumatera Utara hanya mengeluarkan zakat pertanian daripada hasil padi sahaja manakala hasil pertanian lain tidak dikeluarkan zakat pertaniannya. Hal ini berdasarkan hasil kajian yang telah dibuat, dimana didapati bahawa seramai 89 (92.7%) orang responden yang mengusahakan penanaman padi dan sebanyak 50 (52%) orang responden mengeluarkan zakat pertaniannya setiap kali musim menuai. (Rujuk graf 4.13 dan graf 4.22) Terdapat kadar peratus yang tinggi bagi petani yang mengeluarkan zakat pertanian. Ini menunjukkan kesedaran petani yang mengusahakan padi dalam mengeluarkan zakat pertanian adalah tinggi.

Manakala untuk petani yang mengusahakan tanaman secara berkebun didapati seramai 31 (32%) orang responden sedangkan yang mengeluarkan zakat pertanian setiap kali musim menuai hanya seramai 1 (1%) orang responden. (Rujuk graf 4.13 dan graf 4.27)

Ini menunjukkan kesedaran petani yang mengusahakan pertanian perkebunan selain padi adalah sangat rendah sekali. Hal ini juga dipengaruhi oleh pendapat mazhab tempatan yang kebanyakannya menganut mazhab Syafi'i sehingga tidak mengenakan zakat pertanian kepada selain makanan asas dalam hal ini iaitu padi sahaja.

5.1.2 Kaedah Pengiraan Zakat Padi

Berdasarkan hasil kajian yang telah dibuat tidak ada petani yang dinilai zakat pertaniannya oleh badan amil zakat daerah. Majoriti petani mentaksir zakat pertanian mereka secara persendirian iaitu seramai 70 (72.9%) orang responden dan selebihnya ditaksir oleh imam/ustaz iaitu seramai 22 (22.9%) orang responden. (Rujuk graf 4.32)

Petani di daerah Sumatera Utara mengira zakat pertanian mereka berdasarkan amalan yang telah biasa dilakukan oleh orang-orang tua mereka dan berdasarkan penerangan daripada ustaz dan alim ulama tempatan. Terdapat beberapa amalan masyarakat di dalam pengiraan zakat padi iaitu:

1. Petani mengira zakat pertanian dengan menghitung tanpa membuang kulitnya terlebih dahulu atau masih dalam bentuk padi. (Rujuk graf 4.23)
2. Kadar 5 wasaq yang mereka fahami adalah bersamaan dengan 100 kaleng padi atau dalam kilogram bersamaan dengan 1200 kg padi.
3. Kadar nisab zakat pertanian yang dikeluarkan adalah sebanyak 10% daripada hasil pertanian. (Rujuk jadual 4.12)
4. Hasil yang diperolehi daripada 1200 kg padi setelah digiling menjadi beras sering kali lebih banyak gabahnya (kulit padi) daripada beras sehingga tidak mencapai nisab yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 5 wasaq atau bersamaan dengan 647 kg.

Boleh disimpulkan kaedah pengiraan zakat pertanian yang dilakukan oleh petani di daerah Sumatera Utara adalah sebagai berikut:

$$\begin{aligned}\text{Zakat Padi} &= \text{Hasil pendapatan bersih} \times 10\% \\ &= (1200 \text{ kg padi}) \times 10\% \\ &= 120 \text{ kg padi}\end{aligned}$$

5.1.3 Mengeluarkan Zakat Pertanian Daripada Pendapatan Kasar Petani

Berdasarkan pendapat para sarjana islam terdahulu, zakat dikeluarkan daripada hasil pertanian tanpa menolak terlebih dahulu kos penanaman. Dari segi amalan di Sumatera Utara pula, majoriti petani mengeluarkan zakat daripada pendapatan kasar tanpa terlebih dahulu menolak kos tanaman iaitu seramai 71 (73.9%) orang responden berbanding yang menolak terlebih dahulu kos tanaman iaitu seramai 17 (17.7%) orang responden. (Rujuk jadual 4.13)

Namun demikian penulis mendapati ramai petani yang membayarkan zakat pertanian sebanyak 10% daripada pendapatan pertanian tanpa mengira terlebih dahulu modal yang dikeluarkan. Dimana kadar peratus responden yang mengeluarkan kadar nisab zakat pertanian sebesar 10% ialah seramai 73 (76%) orang responden dan juga yang menyatakan selalu membayar 10% seramai 12 (12.5%) orang responden. Manakala yang menyatakan tidak mengeluarkan kadar nisab pertanian 10% hanya 4 (4.2%) orang responden sahaja. (Rujuk jadual 4.12)

Untuk menjaga kebajikan petani, kadar 10% perlu ditinjau ulang, kerana tingginya modal yang dikeluarkan petani untuk kos penanaman. Sehingga modal yang dikeluarkan

dapat mengurangkan kadar zakat pertanian sebagaimana telah diperbincangkan pada bab empat. Jikalau petani mengeluarkan modal yang banyak untuk kos penanaman pertanian maka kadar zakat pertanian adalah 5%, jika petani mengeluarkan modal yang sedikit untuk kos penanaman pertanian maka kadar zakat pertaniannya adalah 7.5%. Dan jikalau petani tidak ada sama sekali mengeluarkan modal untuk kos penanaman maka kadar zakat pertaniannya adalah 10%.

Namun demikian para sarjana islam kontemporari seperti Yusuf al-Qaraḍawī (1969 : 396 – 397) berpendapat bahawa sepatutnya zakat dikenakan kepada hasil pendapatan bersih petani iaitu setelah ditolak kos penanaman kerana kos penanaman mengurangkan hasil pendapatan petani.

5.1.4 Mengeluarkan Zakat Pertanian Berdasarkan Kiraan Zakat Perniagaan

Dalam pengiraan zakat, seharusnya zakat pertanian dikira berdasarkan zakat pertanian dan zakat perniagaan dikira berdasarkan zakat perniagaan. Akan tetapi dalam hal zakat pertanian, kerana terdapat perbezaan pendapat ulama dalam menentukan jenis pertanian yang wajib dikeluarkan zakat maka sebahagian petani terutamanya petani yang mengusahakan pertanian selain padi seperti kelapa sawit , koko, kopi, salak dan lain sebagainya merasa tidak wajib mengeluarkan zakat pertanian.

Akan tetapi kerana hasil pertanian mereka telah mencukupi nisab zakat maka mereka mengeluarkan zakat berdasarkan kiraan zakat perniagaan kerana mereka meniadakan/menjual hasil pertanian mereka sehingga dihitung sebagai zakat perniagaan.

Berdasarkan hasil kajian seramai 5 (5%) orang responden mengeluarkan zakat pertanian berdasarkan kiraan zakat perniagaan. Kadar nisab yang mereka keluarkan adalah sebesar 2.5% daripada hasil pertanian. (Rujuk graf 4.30 dan jadual 4.14)

5.1.6 Membayar Zakat Kepada Mustahik Secara Langsung Tanpa Melalui Amil Zakat

Untuk amalan pembayaran zakat pertanian, petani di daerah Sumatera Utara tidak membayarkan zakat mereka kepada amil zakat yang ada akan tetapi terus mengagihkan zakat pertanian mereka kepada orang yang mereka anggap berhak dan layak untuk menerima zakat. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden membayar zakat pertanian kepada mustahik zakat secara langsung iaitu seramai 80 (83.3%) orang responden dan selebihnya membayar zakat kepada ustaz/imam masjid iaitu seramai 19 (19.8%) orang responden. (Rujuk graf 4.31)

Berdasarkan hasil temu bual dengan Encik Syu'aibun setiausaha II Badan Amil Zakat Daerah Sumatera Utara (BAZDASU) menyatakan bahawa BAZDASU tidak ada mengutip zakat pertanian daripada petani kerana diperingkat kabupaten dan kecamatan¹ sudah ada perwakilan badan amil zakat daerah. Bagi pihak BAZDASU sendiri tidak mengetahui apakah zakat yang dibayar oleh muzakki berupa zakat harta atau zakat pertanian kerana muzakki tidak menyebut jenis zakat tersebut dan juga ada yang langsung memasukkan zakatnya melalui account bank. Khususnya untuk zakat pertanian menurut beliau masyarakat sekarang ini masih berorientasi pada mustahik oriented bukan amil oriented (lebih suka membayar kepada mustahik daripada melalui amil zakat).

¹ Kabupaten bersamaan dengan daerah dan kecamatan bersamaan dengan dun

Sementara itu hasil temu bual dengan ketua pengarah Badan Amil Zakat Daerah Tapanuli Selatan H.Amsir Soleh Siregar menyatakan bahawa Bazda Tapsel sampai saat ini masih mengutip zakat daripada zakat penghasilan pegawai kerajaan di daerah Tapanuli Selatan. Sementara itu untuk zakat pertanian sudah dilakukan sosialisasi kepada masyarakat akan tetapi belum sampai pada tahap pembayaran zakat pertanian kepada amil zakat karena kebiasaan masyarakat yang secara langsung mengagihkan zakat pertanian kepada mustahik zakat.


Begitu juga temu bual dengan Encik Ikhwan Siddiki setiausaha Badan Amil Zakat Daerah Mandailing Natal (BAZDA MADINA), beliau menyatakan bahawa Bazda Madina hingga saat ini masih mengutip zakat daripada zakat penghasilan kaki tangan pemerintah daerah Mandailing Natal. Sehingga belum lagi mempunyai program untuk mengutip zakat daripada petani di daerah Mandailing Natal walaupun begitu beliau menyatakan bahawa potensi zakat daripada pertanian jika dikelola dengan baik dan profesional akan dapat menjana pertumbuhan ekonomi khususnya di daerah Mandailing Natal kerana majoriti masyarakat di daerah Mandailing Natal merupakan petani.

Temu bual dengan Encik Risman Batubara setiausaha Badan Amil Zakat Daerah Padang Sidempuan juga mengatakan bahawa belum ada usaha untuk mengutip zakat pertanian daripada petani di daerah Padang Sidempuan. Hal ini kerana hingga saat ini Bazda Padang Sidempuan masih mengutip dana infak dan zakat daripada kakitangan pemerintah daerah Padang Sidempuan.

Ada beberapa sebab dan alasan sehingga petani tidak membayarkan zakat pertanian kepada amil zakat berdasarkan kajian soal selidik yang telah dijalankan kepada 96 orang

petani di daerah Sumatera Utara. Sebab dan alasan tersebut ditunjukkan dalam graf di bawah ini.

Graf 5.1: Alasan petani membayar zakat kepada mustahik secara langsung



5.1.7 Membayar Zakat Kepada Orang Yang Membantu Memetik Hasil Pertanian

Dalam pelaksanaan pembayaran zakat mestilah dibezakan antara upah dan zakat. Dimana seorang yang bekerja mestilah diberikan upahnya sesuai dengan pekerjaannya sebagaimana di dalam hadis riwayat Ibn Majah yang maksudnya, “ Berikanlah upah kepada orang yang bekerja sebelum kering peluhnya.” Sedangkan zakat adalah satu kewajiban terhadap harta yang telah cukup nisab dan syarat-syaratnya.

Berdasarkan dapatan kajian sebahagian petani di daerah Sumatera Utara mengupah orang lain untuk menuai padi sebagai balasan, mereka memberikan zakat pertanian mereka kepada orang yang diupah oleh mereka. Hal ini berdasarkan pemerhatian dan borang soal selidik yang telah dijalankan. Seramai 10 (10.4%) orang responden yang menjawab memberikan zakat kepada mustahik secara langsung kerana mustahik dapat membantu untuk memetik/menuai padi. (Rujuk graf 4.34)

5.2 Saranan dan Cadangan

Melihat kepada hasil dapatan kajian dapatan kajian yang dibuat berdasarkan borang soal selidik yang telah dijalankan dan juga temu bual dengan pejabat amil zakat daerah maka penyelidik berpendapat bahawa beberapa perkara perlu dikaji semula dan beberapa cadangan daripada penyelidik untuk mempertingkatkan lagi pelaksanaan zakat pertanian kearah yang lebih baik.

1. Perlunya dibuat undang-undang yang mengawal khusus tentang pelaksanaan zakat pertanian untuk menjaga kebajikan petani dan juga untuk meningkatkan ekonomi masyarakat daripada zakat pertanian.
2. Peranan alim ulama dan ustaz adalah sangat penting untuk memberi penerangan kepada masyarakat terhadap kewajipan membayar zakat pertanian bukan hanya setakat pertanian padi sahaja akan tetapi mencakupi pertanian – pertanian yang lain seperti kelapa sawit, koko, getah, buah-buahan dan lain lain.
3. Diharapkan kepada badan amil zakat dapat melihat zakat pertanian sebagai potensi yang besar terhadap pertumbuhan ekonomi di daerah setempat sehingga seterusnya mula membuat peraturan, bekerjasama dengan instansi pemerintah seperti departemen

pertanian untuk membuat peraturan dan meletakkan satu kaedah pengiraan zakat pertanian yang dapat memelihara kebajikan petani.

4. Badan amil zakat perlu menjalankan fungsinya sebagai pengutip zakat bukan hanya sekadar mengagihkan zakat yang diterima, selain itu khususnya dalam zakat pertanian, badan amil zakat perlu melantik pentaksir zakat pertanian yang dapat dipercayai oleh masyarakat setempat ataupun mengangkat imam/ustaz di satu – satu kampung sebagai pentaksir zakat pertanian.
5. Nisab zakat padi mestilah dikira selepas menolak kos tanaman sebagaimana yang telah diterangkan di dalam pembahasan pada bab dua, sekiranya kos tanaman turut diambil kira dalam taksiran nisab zakat pertanian maka petani akan dibebani dengan kos penanaman seperti kos penyewaan tanah, kos baja, racun, biji benih, penyewaan jentera dan sebagainya. Ini kerana, pada asasnya, pengeluaran zakat bukanlah bertujuan untuk membebani petani, akan tetapi merupakan mekanisme agihan kekayaan dan juga sebagai tanda ketaatan seorang hamba kepada perintah Allah pada prinsipnya.
6. Taksiran pembayar zakat padi mestilah mengambil kira juga perbelanjaan sara hidup pembayar zakat dan orang yang di bawah tanggungannya seperti isteri, anak-anak dan orangtua yang uzur. Taksiran keperluan sara hidup akan mengelakkan salah taksir dimana orang yang sepatutnya menerima zakat dibebani pula dengan kewajipan membayar zakat. Kos sara hidup yang perlu diambil kira adalah kos sara hidup untuk keperluan asas petani, keluarga dan orang yang dibawah tanggungannya, termasuk tempat tinggal, pakaian yang layak, perubatan, kos pendidikan dan sebagainya.

5.3 Kesimpulan

Sektor pertanian merupakan salah satu pemangkin ekonomi masyarakat dari pada dahulu sampai sekarang. Sekiranya agihan zakat terus kepada penerima, nescaya zakat pertanian tidak dapat disalurkan kepada Negara, seterusnya tidak membantu meningkatkan ekonomi negara. Maka badan amil zakat yang ada perlu menjalankan fungsinya dalam mengutip zakat pertanian daripada petani sehingga dapat digunakan untuk mengembangkan ekonomi masyarakat di daerah setempat pada khususnya dan ekonomi negara pada umumnya.

Pendapat dan pandangan para sarjana awal Islam bukanlah satu pendapat yang muktamad dan mesti diikuti sepanjang zaman. Akan tetapi, perubahan dan penyesuaian perlu dilakukan sesuai dengan pelbagai perkembangan di bidang pertanian untuk menjamin supaya pengurusan zakat pertanian dapat berjalan sesuai dengan kehendak atau maqasid syariah.